

MALAYSIAN JOURNAL OF CONSUMER AND FAMILY ECONOMICS



ISSN 1511-2802

Vol. 14, 2011

Households' Savings Behaviour in Malaysia – A HES Analysis

*Faridah Pardi
Arifin Md. Salleh
Azhana Othman, et al.*

Redress Mechanism For Consumers in The Motor Vehicle Repair
and Service Industry

*Elistina Abu Bakar
Naemah Amin*

Service Failure, Service Recovery and Critical Incident
Outcomes in The Public Transport Sector

*Aliah Hanim M. Salleh
Maisarah Ahmad
Che Aniza Che Wel, et al.*

Ethnic Differences in The Probability of Saving and Owning
Land Among The Elderly in Malaysia

*Sharifah A. Haron
Deanna L. Sharpe
Jariah Masud, et al.*

Kepekaan Terhadap Hak Membuat Tuntutan Gantirugi

*Wook Endut
Kamalrudin Mohd. Salleh
Norain Mod Asri*

Legislative Control of Exclusion Clauses in Selected Common
Law Countries

*Sakina Shaik Ahmad Yusoff
Azimon Abdul Aziz
Rahmah Ismail, et al.*

Undang-Undang Pembekalan Barang: Liabiliti Pengilang
Terhadap Barang Cacat

*Zeti Zuryani Mohd Zakuan
Sakina Shaik Ahmad Yusoff*

Role of Adolescent in Parent Consumer Socialization

*Maisarah Ahmad
Samsinar Md. Sidin*

Persepsi Pelancong Asing Terhadap Alam Sekitar dan Kualiti
Perkhidmatan Ditawarkan di Taman Laut Pulau Tioman

*Norlida Hanim Mohd Salleh
Redzuan Othman
Ahmad Mad Zin, et al.*

Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu:
Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin Di Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

*Hairunnizam Wahid
Sanep Ahmad
Radiah Abdul Kader*

PENGARUH FAKTOR KEAGAMAAN TERHADAP KUALITI HIDUP INDIVIDU: KAJIAN KES ASNAF FAKIR DAN MISKIN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Hairunnizam Wahid
Sanep Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia
Radiah Abdul Kader
Universiti Malaya

Abstrak

Faktor keagamaan adalah penting kerana ia memberi kesan terhadap kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang positif yang akhirnya akan mengubah ekonomi dan gaya hidup individu serta meningkatkan kualiti hidup individu dalam jangka panjang. Kajian ini cuba menguji kewujudan hubungan antara faktor keagamaan dengan kualiti hidup individu asnaf. Dalam kajian ini asas utama dalam Islam iaitu akidah, syariah dan akhlak digunakan sebagai pengukuran factor keagamaan. Kajian ini akan membina pemboleh ubah indeks keagamaan berasaskan tiga komponen utama iaitu perbuatan individu yang berkaitan dengan hukum wajib, haram dan sunat dan seterusnya menguji hubungannya dengan beberapa pemboleh ubah demografi dan kualiti hidup manusia berasaskan laporan Unit Perancang Ekonomi (2002). Sampel kajian ini adalah seramai 53 orang golongan fakir dan miskin yang menerima bantuan kewangan zakat secara bulanan di kawasan Batu, Cheras dan Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan faktor keagamaan umumnya tidak signifikan dalam mempengaruhi tingkat kepuasan kualiti

hidup. Namun, kajian ini menunjukkan tingkat pendapatan golongan fakir dipengaruhi secara signifikan oleh faktor keagamaan dan pendidikan tetapi tidak signifikan bagi golongan miskin. Kualiti hidup pula didapati secara signifikan dipengaruhi oleh tempoh lamanya menerima zakat. Implikasinya ialah faktor keagamaan dan pendidikan boleh digunakan untuk meningkatkan tingkat pendapatan golongan fakir tetapi tidak bagi golongan miskin. Beberapa cadangan juga dikemukakan untuk meningkatkan kualiti kaedah pengagihan zakat pada masa hadapan.

Kata Kunci: Indeks keagamaan, kualiti hidup, asnaf fakir dan miskin

Pengenalan

Pencapaian kutipan zakat yang tinggi dari tahun ke tahun oleh pusat zakat di setiap negeri tidak dapat dinafikan lagi. Secara keseluruhannya, jumlah kutipan zakat di setiap negeri di Malaysia telah mengalami peningkatan yang amat besar iaitu sebanyak 220.6 peratus, iaitu daripada RM373 juta pada tahun 2002 kepada RM1.19 bilion pada tahun 2009 (*Laporan Zakat*, 2009). Pencapaian kutipan zakat

negeri yang semakin tinggi pada setiap tahun membuktikan bahawa institusi zakat di setiap negeri telah berjaya dalam strategi meningkatkan jumlah kutipan zakat. Daripada 14 negeri yang membuat kutipan pada tahun 2009, negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melepasi angka RM300 juta dan Johor telah mencatatkan kutipan melebihi angka RM100 juta (*Laporan Zakat*, 2009; hlm.75).

Berdasarkan fakta tersebut jelas bahawa kutipan zakat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan kutipan ini berlaku kerana tahap kesedaran membayar zakat dalam kalangan masyarakat semakin meningkat. Kesedaran ini berpunca daripada faktor seperti meningkatnya tahap pengetahuan dan nilai keagamaan masyarakat Islam berkenaan dengan aspek pembayaran zakat; pengkorporatan institusi kutipan zakat negeri; kaedah pembayaran yang mudah seperti potongan gaji; pembayaran melalui institusi kewangan bank dan bukan bank dan sebagainya serta meningkatnya jumlah pembayaran zakat perniagaan yang dibayar oleh syarikat. Oleh itu, masalah kutipan zakat bukan lagi menjadi isu utama dalam sistem zakat. Namun, jika dilihat dari segi pengagihan zakat, banyak kajian menunjukkan bahawa masih wujud sikap ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap institusi zakat dalam mengagihkan zakat (Mohamed Dahan, 1998; Muhammad Syukri, 2006; Sanep, Hairunizam & Adnan, 2006; Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009; Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2010), termasuklah pembayar zakat dalam kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad, 2008). Apa

yang dapat disimpulkan di sini ialah tahap keyakinan pembayar zakat terhadap peranan institusi zakat dalam pengagihan zakat masih pada tahap yang rendah. Mereka mungkin melihat asnaf zakat, terutamanya golongan fakir dan miskin masih berterusan dalam keadaan miskin malah ada yang melihat terdapat potensi asnaf fakir dan miskin yang tidak mendapat pembelaan daripada institusi zakat. Hal ini ditambah lagi dengan laporan oleh akhbar-akhbar dan program televisyen yang melaporkan kes-kes kemiskinan dan kedaifan yang masih wujud dalam masyarakat. Apa yang nyata, masyarakat melihat zakat sepatutnya dapat membasmi kemiskinan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bilangan isi rumah yang miskin dalam masyarakat Islam. Jadual 1 menunjukkan peratusan isi rumah miskin dan miskin tegar di Malaysia bagi tahun 2004, iaitu masing-masing ialah 5.7 peratus dan 1.2 peratus. Melihatkan peratusan ini, didapati negeri Sabah, Terengganu, Kelantan dan Sarawak adalah antara negeri yang menyumbangkan angka yang besar. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat ramai golongan miskin di Malaysia dan majoritinya ialah kaum Melayu. Dari segi ekonomi, aspek pendapatan merupakan petunjuk penting untuk menentukan sama ada seseorang itu miskin atau tidak. Jadi sudah pastilah dalam strategi dan dasar kerajaan dalam membasmi kemiskinan, ia menjadi antara pemboleh ubah utama dalam setiap kajian. Antara konsep utama dalam perbincangan pendapatan ialah konsep pendapatan garis kemiskinan (PGK) di Malaysia sama ada di peringkat negeri, Semenanjung Malaysia dan Malaysia secara keseluruhannya.

Jadual 1: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Bulanan Purata, Kadar Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar, 2004

Negeri	Saiz Isi Rumah	Kemiskinan Keseluruhan ²			Kemiskinan Tegar ²		
		PGK Kasar (RM)	PGK Per kapita (RM)	Kadar kemiskinan ³ (%)	PGK Makanan Kasar (RM)	PGK Per kapita (RM)	Kadar kemiskinan Tegar ⁴ (%)
Johor	4.3	634	151	2.0	384	91	0.3
Kedah	4.6	654	143	7.0	402	88	1.3
Kelantan	5.2	675	130	10.6	438	84	1.3
Melaka	4.4	650	151	1.8	385	89	0.2
Negeri Sembilan	4.2	598	146	1.4	371	90	0.2
Pahang	4.2	609	147	4.0	392	94	1.0
Pulau Pinang	4.1	615	152	0.3	373	91	neg. ⁵
Perak	4.1	589	144	4.9	371	90	1.1
Perlis	4.2	587	140	6.3	367	87	1.7
Selangor	4.6	726	159	1.0	420	92	neg. ⁵
Terengganu	5.0	734	148	15.4	469	94	4.4
W.P. Kuala Lumpur	3.9	713	189	1.5	373	98	0.2
Semenanjung Malaysia	4.4	661	152	3.6	398	91	0.7
Sabah ¹	5.2	888	173	23.0	503	97	6.5
Sarawak	4.6	765	167	7.5	482	105	1.1
Malaysia	4.5	691	155	5.7	415	93	1.2

Nota : ¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

² Berasaskan metodologi 2005

³ Berasaskan PGK Kasar

⁴ Berasaskan PGK Kasar

⁵ Kurang daripada 0.05 peratus

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2006 (hlm. 348)

Jadual 1 menunjukkan PGK golongan fakir dan miskin di Malaysia bagi tahun 2004 berdasarkan *Laporan Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Apa yang pasti, PGK golongan fakir atau miskin tegar di Malaysia ialah RM415 berbanding dengan PGK golongan miskin sebanyak RM691. Oleh itu, sasaran kerajaan dalam membasmi kemiskinan adalah untuk memastikan tingkat

pendapatan isi rumah melebihi PGK yang telah disasarkan. Namun begitu, sekiranya strategi pembasmian kemiskinan hanya menggunakan PGK semata-mata sebagai pengukur kejayaan membasmi kemiskinan, maka strategi sedemikian merupakan sesuatu yang agak sukar untuk dicapai. Hal ini kerana bilangan golongan miskin didapati terus meningkat dari tahun ke tahun disebabkan banyak faktor luaran,

antaranya ialah kesan kegawatan ekonomi dan kos sara hidup yang semakin tinggi yang menampakkan seolah-olah segala dasar yang telah dilaksanakan tidak mencapai kejayaan yang diinginkan. Oleh itu, satu pengukuran alternatif kejayaan berdasarkan pemboleh ubah berkonsep relatif perlu dicadangkan, iaitu pengukuran yang akan melibatkan aspek kualiti hidup sebagai kayu ukur alternatif kejayaan sesuatu dasar membasmi kemiskinan. Malah, terdapat juga kajian yang mengukur pencapaian kejayaan berasaskan konsep *maqasid syariah* yang sebenarnya lebih tertumpu terhadap beberapa objektif ekonomi dan bukan ekonomi yang selari dengan kehendak syariah. Hal ini menunjukkan penggunaan falsafah agama, iaitu Islam telah menjadi satu perkara penting yang lebih utama berbanding dengan falsafah ekonomi. Pengukuran ini jelas menggambarkan satu strategi alternatif ke arah perubahan aspek sosio-ekonomi individu dan bukan semata-mata tertumpu terhadap aspek ekonomi.

Menurut Greene dan Yoon (2004), ahli ekonomi kini sebenarnya telah mula mengkaji semula dua bidang asas iaitu dimensi ekonomi dalam aspek agama dan kebahagiaan manusia, malahan terdapat kajian yang melihat hubungan antara keagamaan dan kebahagiaan (Ellison, 1991; Iannaccone, 1998; Argyle 1999, Frey & Stutzer, 2002). Hal ini bermaksud kebahagiaan manusia juga boleh dijadikan output penting dalam mengukur kejayaan dalam pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada asnaf. Apa yang menariknya, aspek keagamaan telah mendapat pengiktirafan oleh ahli ekonomi bukan Islam yang majoritinya beragama Kristian. Banyak kajian yang telah dilakukan

menunjukkan aspek keagamaan mempunyai banyak kelebihan terhadap manusia, termasuklah mengurangkan aktiviti yang melalaikan dan jenayah (Freeman, 1986; Hull, 2000), malah menurut Greene dan Yoon (2004), Adam Smith juga telah sekian lamanya menganggap aspek keagamaan sebagai pembina kehidupan yang baik kerana ia memberi kesan positif terhadap aspek psikologi dan kebahagiaan seseorang individu.

Persoalannya, adakah strategi meningkatkan tahap keagamaan terhadap asnaf fakir dan miskin oleh institusi zakat kemungkinan dapat mengatasi masalah kemiskinan mereka? Kajian ini berpendapat kesan daripada pengagihan zakat bersifat jangka panjang. Oleh itu, strategi yang perlu dilakukan bermula daripada sikap asnaf itu sendiri. Sikap asnaf tersebut perlu berubah untuk memastikan setiap kejayaan, sama ada peningkatan tahap pendapatan atau kualiti hidup dapat dicapai. Asas bagi perubahan sikap ialah nilai keagamaan dalam diri mereka. Terdapat andaian yang menyatakan golongan miskin ini bukan sahaja miskin pendapatan tetapi juga miskin jiwa dan agama (Muhammad Syukri, 2000; hlm.53). Kajian ini akan mengkaji persoalan ini dengan menjangkakan nilai keagamaan dalam diri asnaf sebagai antara faktor kejayaan dasar membasmi kemiskinan dan ia perlu dipandang serius oleh pihak pembuat dasar, terutamanya institusi zakat.

Kajian Lepas

Banyak kajian yang ada berkenaan dengan zakat hanya melihat aspek kutipan iaitu

bagaimana hasil kutipan zakat dapat ditingkatkan dan kaedah yang berkesan pengagihan zakat (Mohd Ali, Hairunnizam & Nor Ghani, 2003; Abdul Monir, 1994; Mohd Parid, 2001). Namun demikian, tidak banyak kajian yang melihat aspek keberkesanan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang terlibat, terutamanya asnaf fakir dan miskin. Mohd Parid (2001) contohnya telah membincangkan pelbagai kaedah pengagihan zakat menurut perspektif Islam. Menurut beliau, pengagihan zakat perlu mencapai satu tahap kecukupan dan keselesaan kehidupan golongan penerima zakat serta keluarga yang ditanggungnya. Menurut beliau lagi, agihan tersebut perlu mencapai kadar tertentu yang menjamin kualiti hidup yang berterusan. Ia membawa maksud bahawa kesan agihan zakat kepada asnaf perlu mencapai satu piawaian kualiti hidup, sekurang-kurangnya mencapai kegunaan barang keperluan dan kecukupan. Di Malaysia, kualiti hidup individu boleh dilihat dalam pelbagai aspek termasuklah kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, capaian dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial seiring dengan hasrat negara (Unit Perancang Ekonomi, 2002). Takrifan ini adalah seiring dengan pendapat Burnel dan Galster (1992) yang melihat kualiti hidup sebagai tahap kesejahteraan dan keselesaan seseorang dalam menjalani proses kehidupan yang meliputi aspek pemakanan, pendidikan, kesihatan, perumahan, estetika dan sebagainya. Sekiranya aspek tersebut dipenuhi, maka tahap kualiti masyarakat menjadi bertambah baik. Namun begitu, kajian sedia ada hanya tertumpu terhadap kualiti

masyarakat keseluruhannya tanpa melihat kualiti kumpulan minoriti yang daif dan miskin. Terdapat kajian oleh Zainal Abidin (2003) yang membincangkan bagaimana had kifayah dikira menurut pengalaman Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), iaitu menggunakan enam kualiti hidup utama iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan pengangkutan. Namun begitu, kajiannya tidak membincangkan kesan kualiti tersebut terhadap golongan miskin.

Terdapat beberapa kajian yang melihat kualiti hidup golongan miskin tertentu secara khusus, seperti penduduk setingan di Kuala Lumpur dan peserta projek Amanah Ikhtiar Malaysia (Wan Zulaini, 1997; Rosmalini, 1998), namun kajian tersebut hanya melihat punca-punca dan impak campur tangan kerajaan dalam membendung fenomena kemiskinan. Kajian oleh Rosmalini (1998) pula mendapati penyertaan peserta miskin dalam projek Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya meningkatkan taraf hidup peserta tanpa melihat secara terperinci indikator sosioekonomi. Walaupun kajian ini berbeza dengan kajian sebelumnya kerana memfokuskan golongan miskin dan fakir yang termasuk dalam asnaf penerima bantuan zakat, namun kajian ini penting untuk melihat sejauh mana kualiti hidup mereka telah meningkat, terutamanya indikator sosioekonomi yang penting termasuklah pendidikan, kesihatan, bekalan air dan elektrik dan sebagainya yang merupakan prasyarat dan pemangkin kepada usaha pembangunan masyarakat oleh pihak kerajaan terutamanya di peringkat negeri (Md. Zhahir, 1996).

Terdapat juga beberapa kajian yang ada hanya menumpukan terhadap masalah *had kifayah* dan ketidakberkesanan bantuan langsung kepada asnaf ini. *Had kifayah* merupakan suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga. Ia juga dirujuk sebagai garisan, *had* atau kadar keperluan asas minimum seperti makanan, pakaian dan perlindungan berdasarkan kos sara hidup masa kini (Patmawati, 2007; dan Mahyuddin & Abdullah, 2011). Oleh itu, satu dimensi baharu yang mungkin belum mendapat perhatian institusi zakat ialah keberkesanan agihan terhadap kualiti hidup golongan fakir dan miskin. Hal ini kerana konsep kemiskinan berbentuk multidimensi dan ia begitu subjektif kerana melibatkan perasaan fakir miskin terhadap sifat berkecukupan (Cheong & Federich, 1977). Walaupun dari segi pendapatan, golongan ini masih lagi dikategorikan miskin tetapi mereka mungkin telah berasa berkecukupan dengan kualiti hidup sedia ada. Atau berkemungkinan mereka telah melepasi garis kemiskinan zakat, tetapi berperasaan bahawa belunggu kemiskinan masih lagi wujud disebabkan kualiti hidup yang rendah. Oleh itu, kesan bantuan zakat tersebut terhadap kualiti hidup penerimanya perlu diberi perhatian kerana dalam Islam zakat ialah alat yang penting dalam mengimbangi sosioekonomi umat Islam.

Persoalannya, adakah bantuan zakat semata-mata dapat meningkatkan taraf kehidupan asnaf dalam aspek ekonomi atau kualiti hidup? Kajian Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali (2004) telah menunjukkan bahawa bantuan zakat

memberi kesan yang signifikan tetapi amat kecil terhadap kualiti hidup asnaf terutamanya kualiti hidup pendidikan dan penyertaan sosial. Ia jelas menunjukkan bahawa bantuan zakat secara langsung dalam bentuk wang tunai semata-mata tidak memberi impak yang besar terhadap kehidupan asnaf fakir dan miskin. Malah, kajian ini mencadangkan bantuan yang diberikan juga perlu melibatkan pemberian barangan keperluan seharian seperti beras, tepung, gula dan sebagainya. Kajian ini sebenarnya jelas menunjukkan bahawa terdapat faktor lain yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat, seperti aspek pendidikan kerana ia sekurang-kurangnya dapat meningkatkan tahap pendidikan anak asnaf dan akhirnya dapat melepaskan mereka dari perangkap kemiskinan. Namun begitu, kajian ini juga percaya pendidikan yang perlu diterapkan bukan sahaja yang melibatkan aspek pendidikan keduniaan semata-mata malah juga aspek yang melibatkan keagamaan kerana falsafah zakat itu sendiri yang sebenarnya bukan sahaja menyucikan harta dan hati pembayar zakat, malah berperanan menyucikan hati penerima zakat agar menjadi individu yang mempunyai jiwa yang kaya (Muhammad Syukri, 2000).

Terdapat beberapa kajian oleh Ellison, Gay dan Glass (1989) dan Ellison (1991) yang telah mengkaji hubungan antara komitmen terhadap agama dengan tahap kepuasan hidup individu. Ellison (1991) contohnya telah mengkaji sekumpulan kecil masyarakat di Amerika Syarikat (US), iaitu beliau mengkaji tingkah laku individu yang terlibat secara langsung dalam organisasi keagamaan, kekerapan hadir ke tempat sembahyang (gereja), tahap kepercayaan terhadap

agama dan sebagainya. Hasil kajian beliau mendapati penglibatan dalam organisasi keagamaan dan tahap kepercayaan agama yang tinggi akan meningkatkan tahap kepuasan kualiti hidup mereka. Apa yang pasti kajian ini sebenarnya telah mengkaji aspek keagamaan dan hubungannya dengan tahap kepuasan hidup individu, terutamanya dalam aspek psikologi individu tersebut. Kajian ini juga merumuskan bahawa aspek keagamaan yang penting ialah aspek penyertaan seseorang dalam kegiatan agama yang akan memberi kesan positif terhadap kepuasan hidup. Timbul persoalan yang lain, iaitu adakah pengaruh keagamaan itu memberi kesan langsung atau terus-menerus terhadap kepuasan kualiti hidup? Ellison *et al.*, (1989) telah menjelaskan bahawa komitmen dalam aspek keagamaan sebenarnya ialah penglibatan individu dalam kegiatan masyarakat yang melibatkan program keagamaan. Kesannya, penyertaan dalam kegiatan sosial akan meningkatkan hubungan kemasyarakatan yang memberi kesan positif terhadap kesihatan mentalnya dan akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup individu tersebut.

Kajian oleh Schieman, Nguyen dan Elliott (2003) pula menunjukkan sedikit berlainan pendapat berbanding dengan Ellison *et al.*, (1989) iaitu kajian beliau menekankan aspek kemahiran dan pengetahuan (*mastery*). Beliau berpendapat nilai keagamaan dalam diri individu akan mengawal kehidupan mereka dan berusaha bersungguh-sungguh mencapai cita-cita tanpa menyalahkan nasib semata-mata. Inilah kemahiran yang dapat dipupuk kesan daripada penghayatan nilai keagamaan. Malah, ramai ahli

psikologi bersetuju bahawa kemahiran individu akibat nilai keagamaan yang dianuti tidak akan menghakis kehidupan malah ia sebenarnya dapat mengawal tekanan hidup yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup. Kajian ini juga bersetuju dengan kepentingan aspek keagamaan dan kesannya terhadap aspek kesihatan mental individu yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup individu tersebut.

Spesifikasi Model

Kajian ini cuba menganggarkan kebarangkalian wujudkan hubungan antara faktor keagamaan dengan status kehidupan responden. Status kehidupan di sini bermaksud tahap pendapatan dan kualiti hidup mereka. Pensampelan dilakukan secara sampel rawak strata berdasarkan senarai asnaf fakir dan miskin bagi tiga zon di Wilayah Pesekutuan. Seramai 53 responden asnaf telah disampel dengan kadar 48 peratus fakir dan 52 peratus miskin. Pemboleh ubah utama dalam model kajian ini adalah seperti yang berikut:

Kualiti Hidup (QL).

Kualiti hidup dalam kajian ini melibatkan beberapa kualiti hidup secara langsung terhadap manusia. Kajian ini menggunakan beberapa tahap kualiti yang berkaitan dalam Laporan Kualiti Hidup Malaysia (2002) iaitu kualiti makanan, pakaian, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan penyertaan sosial. Tiga skala Likert telah digunakan dalam kajian ini untuk mengukur darjah kepuasan hati responden iaitu tidak puas hati, puas hati dan sangat

puas hati. Akhirnya, kualiti hidup keseluruhan responden telah diukur dengan mengira min tahap kepuasan hati bagi kesemua item kualiti hidup.

Pendapatan (Y)

Pengukuran pendapatan di sini ialah pendapatan bulanan responden. Ia dibahagikan kepada beberapa kategori pendapatan mengikut garis kemiskinan iaitu pendapatan bawah RM415 iaitu tahap pendapatan kategori fakir, pendapatan antara RM416 hingga RM691 iaitu tahap pendapatan kategori miskin dan pendapatan melebihi RM692 dan ke atas yang dianggap melepasi purata garis kemiskinan Malaysia (lihat Jadual 1). Penilaian terhadap pendapatan dilakukan berdasarkan pengkategorian kepada dua kumpulan, iaitu fakir dan miskin.

Indeks Keagamaan (RI)

Hal ini merupakan satu pemboleh ubah yang menarik untuk dibincangkan. Terdapat banyak kajian yang cuba menganggarkan tahap keagamaan dan keimanan seseorang individu, namun sejauh mana pengukuran pemboleh ubah ini boleh diterima secara ilmiah masih lagi diperbincangkan. Ia melibatkan perkara peribadi antara individu dan Allah SWT dan tiada siapa yang boleh mengukurnya dengan tepat melainkan Allah SWT. Namun begitu, pemboleh ubah ini cuba dianggarkan dengan berpanduan tindakan seseorang individu yang rasional mengikut ketetapan syariah. Hal ini bermakna jika seseorang individu yang taat menjalankan perintah Allah SWT secara konsisten dan mengharapkan keredaan-Nya, maka individu tersebut dianggap lebih baik dan

lebih keislamannya berbanding dengan mereka yang tidak taat menjalankan perintah Allah (Siti Adilah, 1999; dan Naziruddin dan Shabri, 2003; hlm. 40).

Oleh itu, dalam mengukur tahap keagamaan, kajian ini menggunakan analisis Naziruddin dan M. Shabri (2003) memandangkan kajian ini adalah untuk mengukur tahap keagamaan secara komprehensif berbanding dengan kajian terdahulu yang mengukur keimanan semata-mata (contohnya kajian oleh Mohd Ali *et al.*, 2004). Kajian Naziruddin dan M. Shabri (2003) telah membahagikan faktor keagamaan kepada tiga komponen utama iaitu wajib (*fard*) dan iman; haram dan sunah (*mandub*). Setiap komponen mempunyai pemberat (*weightage*) yang berbeza-beza, iaitu mana komponen wajib mempunyai pemberat yang lebih berbanding dengan komponen haram dan sunat. (lihat Naziruddin dan M. Shabri, 2003; hlm.41)

Pengukuran komponen perbuatan wajib (*KW*) meliputi perbuatan wajib dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Rukun Islam dan Iman (*PISIM*), dan sebanyak enam soalan mewakili komponen ini telah ditanyakan dan pemberatnya ialah 100. Bagi komponen perbuatan haram (*KH*) pula, sebanyak lima soalan telah dikemukakan, pemberatnya ialah 55 dan telah dirangkumkan sebagai *FASAD* manakala komponen perbuatan sunah (*KS*) pula ialah item yang menunjukkan perbuatan sunat yang tidak menggantikan *PISIM* dan *FASAD* tetapi ia sebenarnya meningkatkan tahap keagamaan seseorang individu, diberi pahala jika lakukannya dan sebaliknya (*QUDUS*). Pemberat *KS* ialah 2

(Naziruddin dan M. Shabri, 2003; hlm.41).
Kesemua komponen tersebut diukur
sebagaiman yang berikut:

1. Komponen wajib (KW), ia diukur
seperti berikut;

$$KW_i = 100 \sum_{j=1}^6 PISIM_{ij} \quad (1)$$

di mana :

KW = komponen perbuatan wajib.

$PISIM$ = rukun Islam dan Iman

i = responden.

j = bilangan soalan terlibat.

2. Manakala bagi komponen
perbuatan haram (KH), ia diukur
seperti berikut;

$$KH_i = 55 \sum_{k=7}^{11} FASAD_{ik} \quad (2)$$

di mana :

KH = komponen perbuatan haram.

$FASAD$ = item perkara perbuatan
haram

i = responden.

k = bilangan soalan terlibat.

3. Komponen sunah (KS), ia diukur
seperti berikut;

$$KS_i = 2 \sum_{l=12}^{18} QUDUS_{il} \quad (3)$$

di mana :

KS = komponen perbuatan sunnah.

$QUDUS$ = item perkara perbuatan
sunnah

i = responden.

l = bilangan soalan terlibat.

Oleh itu, indeks keagamaan (RI)
yang akan diuji merangkumi kesemua
komponen perbuatan, diukur melalui
formula yang berikut:

$$RI_i = [(KW_i + KH_i + KS_i / 2292) \times 100] \quad (4)$$

Kesemua notasi yang digunakan
adalah sama seperti persamaan (1), (2) dan
(3). RI sebenarnya diukur daripada
penjumlahan KW , KH dan KS mengikut
jumlah soalan yang dikemukakan iaitu
(1800 + 440 + 52 = 2292) dibahagikan
dengan maksimum nilai yang boleh
dicapai oleh setiap responden dan
didarabkan dengan 100.

Model

Seperti yang telah dibincangkan, model ini
dibina berasaskan permasalahan kajian,
iaitu sejauh manakah pemboleh ubah
keagamaan (RI) mempengaruhi
pendapatan (aspek ekonomi) dan kualiti
hidup (aspek sosioekonomi) responden.
Pemboleh ubah bebas selain RI yang perlu
diuji adalah seperti cadangan Hadaway
(1978), Ellison *et al.*, (1989) dan Green
dan Yoon (2004). Ia termasuklah item
demografi seperti status pekerjaan, jantina,
umur, tahap pendidikan, saiz keluarga dan
pendapatan. Ellison *et al.*, (1989) dalam
kajiannya mencadangkan bahawa aspek
kualiti hidup yang perlu diberi perhatian
utama ialah aspek perumahan, aspek sosial
dan aspek kesihatan.

Kajian ini akan menggunakan
model regresi logistik binari (*binary
logistic*) (model I) untuk mengukur kesan
 RI terhadap tahap kepuasan hati responden
berdasarkan dua skala, iaitu *puas hati* dan
tidak puas hati manakala model regresi
logistik multinomial (*multinomial logistic*)
logistik (model II) untuk mengukur kesan
 RI terhadap tingkat pendapatan responden.
Bentuk umum fungsi model adalah seperti
yang berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-Z}) \quad (5)$$

di mana:

P_i Model I : ialah kebarangkalian bagi respons berpuas hati tahap kualiti hidup; $Y = 1$ dan respons tidak berpuas hati; $Y = 0$.

Model II : ialah kebarangkalian bagi respons pelbagai tingkat pendapatan antara PGK fakir dan PGK miskin berbanding dengan tingkat pendapatan melebihi PGK miskin

Z_i ialah satu fungsi $f(X)$ dengan X sebagai faktor-faktor yang berkaitan.

Memandangkan kepuasan terhadap kualiti hidup boleh dinilai berdasarkan sesuatu kategori tertentu maka model khusus bagi menilai kesan RI bagi kepuasan terhadap kualiti hidup tertentu akan dianggarkan. Ia meliputi kepuasan terhadap makanan, pakaian pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan penyertaan sosial dan akan dianggarkan setiap satu. Model umum tersebut adalah seperti yang berikut:

$$L_i = \ln(P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 RI \quad (6)$$

di mana:

L_i ialah kepuasan terhadap kualiti hidup
 RI ialah indeks keagamaan.

Oleh itu, berpandukan persamaan (5), dua model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini mengukur tingkat pendapatan dan tahap kepuasan kualiti hidup iaitu:

$$L = \ln(P_i / (1-P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_9 X_9 \quad (7)$$

di mana:

L Model I: ialah log bagi nisbah 'odds' kepuasan kualiti hidup keseluruhan
 Model II: ialah log nisbah 'odds' setiap tingkat pendapatan fakir dan miskin

X_1 ialah jantina; dami 1 adalah lelaki

X_2 ialah umur

X_3 ialah taraf pendidikan

X_4 ialah dami pekerjaan; dami 1 adalah tidak bekerja

X_5 ialah perbelanjaan

X_6 ialah saiz keluarga (bilangan tanggungan)

X_7 ialah nilai zakat bulanan

X_8 ialah tempoh terima zakat

X_9 ialah Indeks keagamaan (RI)

Kajian ini menjangkakan semakin tinggi RI seseorang individu, maka tingkat pendapatan individu tersebut akan akan meningkat dan begitu juga dengan tahap kualiti hidup. Seramai 53 individu meliputi zon Batu, Cheras dan Bandar Kuala Lumpur telah disampel secara sampel rawak strata dan ditemu bual. Aspek kualiti hidup yang dipertimbangkan dalam kajian ini merupakan aspek rasmi yang telah diguna pakai oleh kementerian dalam menilai kualiti hidup masyarakat. Hanya tujuh aspek kualiti yang diambil kira daripada 11 kualiti yang digariskan dalam pengiraan kualiti hidup di Malaysia. Hal ini memandangkan beberapa kualiti hidup yang tidak dimasukkan adalah tidak berkait secara langsung dengan responden yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Setiap jawapan memerlukan jawapan adalah dalam skala Likert, iaitu tidak memuaskan, memuaskan dan sangat memuaskan. Bagi aspek pendapatan pula,

tahap pendapatan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama pendapatan bawah RM415 iaitu purata garis kemiskinan Malaysia bagi tahap pendapatan fakir, kedua pendapatan antara RM416 hingga RM691 iaitu purata garis kemiskinan Malaysia bagi tahap pendapatan miskin dan akhirnya tahap pendapatan melebihi RM691 iaitu tahap pendapatan melebihi purata garis kemiskinan Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2006; hlm.348). Ia bertujuan untuk membezakan kesan pemboleh ubah *RI* terhadap tahap pendapatan yang berbeza antara asnaf fakir dan asnaf miskin.

Hasil Kajian

Dari segi profil responden, majoriti responden adalah lelaki berumur 36 tahun hingga 45 tahun iaitu merangkumi 49.1 peratus dan hanya 7.5 peratus yang berumur kurang daripada 25 tahun. Daripada aspek tahap pendidikan pula, majoriti responden berpendidikan di peringkat sekolah menengah iaitu sebanyak 72.5 peratus berbanding dengan sekolah rendah (19.6%) dan tidak bersekolah (7.8%). Daripada aspek pekerjaan pula, 48.1 peratus responden

bekerja sendiri berbanding dengan 38.5 peratus bekerja makan gaji dalam sektor awam atau swasta manakala sebanyak 11.5 peratus tidak bekerja. Dalam aspek pendapatan, majoriti berpendapatan antara RM692 hingga RM900 iaitu sebanyak 36.5 peratus, diikuti berpendapatan RM416 hingga RM691 iaitu sebanyak 26.9 peratus. Namun, jika dilihat daripada aspek purata garis kemiskinan (PGK) Malaysia golongan fakir dan miskin, iaitu PGK fakir ialah di bawah RM416 manakala PGK miskin ialah RM691 mengikut penilaian tahun 2004, didapati 23 peratus responden adalah fakir manakala 26.9 peratus adalah miskin. Selebihnya hampir 50 peratus responden melebihi PGK miskin. Namun begitu, pengiraan had kifayah bagi menerima zakat adalah tidak sama dengan pengiraan PGK, iaitu nilai had kifayah biasanya lebih tinggi daripada PGK yang membolehkan ramai masyarakat Islam menerima zakat. Kajian ini juga mendapati majoriti responden mempunyai tanggungan kurang daripada empat orang berbanding dengan menanggung melebihi empat orang, rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Profil Responden

Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	31	58.5
Perempuan	22	41.5
Umur		
kurang 25 tahun	4	7.5
25-35 tahun	15	28.3
36-45 tahun	26	49.1
46-55 tahun	6	11.3
lebih 56 tahun	2	3.8
Tahap Pendidikan		
Tidak Bersekolah	4	7.8
Sekolah Rendah	10	19.6
Sekolah Menengah	37	72.5
Status Pekerjaan		
Tidak Bekerja	6	11.5
Bekerja Sendiri	25	48.1
Makan Gaji	20	38.5
Pesara	1	1.9
Pendapatan		
Tiada Pendapatan	6	11.5
RM415 dan ke bawah	6	11.5
RM416-RM691	14	26.9
RM692-RM900	19	36.5
RM901 ke atas	7	13.5
Perbelanjaan		
RM415 dan ke bawah	11	21.2
RM416-RM691	23	44.2
RM692-RM900	15	28.8
RM901 ke atas	3	5.8
Bilangan Tanggungan		
Tiada tanggungan	4	7.7
1-4 orang	31	59.6
5-8 orang	15	28.8
9-11 orang	2	3.8
Jumlah Responden	53	100.0

Manakala dalam aspek tempoh dan jumlah zakat, majoriti mereka yang menerima bantuan zakat dalam bentuk kewangan bulanan adalah dalam tempoh antara tiga tahun hingga lima tahun iaitu sebanyak 49.1 peratus dan hanya 15.1 peratus responden menerima bantuan zakat dalam tempoh enam tahun hingga lapan tahun (Lihat Jadual 3).

Hal ini menunjukkan majoriti responden menerima bantuan zakat melebihi tiga tahun (64.2%). Dalam aspek jumlah penerimaan bantuan zakat kewangan bulanan, majoriti asnaf menerima sejumlah antara RM701 hingga RM800, iaitu seramai 13 orang responden (25.5%) diikuti RM601 hingga RM700 iaitu seramai 12 orang responden (23.5%).

Hanya 3.9 peratus responden menerima zakat melebihi RM800. Sebenarnya, jumlah bantuan yang diberikan oleh pusat zakat bergantung pada bilangan tanggungan dalam sesebuah isi rumah atau *had kifayah*. Jika ramai isi rumah yang belum bekerja dan ada kemungkinan

ada yang kurang upaya (OKU), maka bantuan zakat yang diterima adalah besar. Namun apa yang pasti, kajian ini menunjukkan responden asnaf adalah melibatkan kesemua peringkat jumlah bantuan zakat setiap bulan.

Jadual 3: Tempoh dan Nilai Bantuan Zakat

Tempoh/Nilai Zakat	Kekerapan	Peratusan (%)
Tempoh terima zakat		
kurang 3 tahun	19	35.8
3-5 tahun	26	49.1
6-8 tahun	8	15.1
Nilai zakat bulanan		
RM300-400	8	15.7
RM401-500	5	9.8
RM501-600	11	21.6
RM601-700	12	23.5
RM701-800	13	25.5
Lebih RM800	2	3.9

Berdasarkan Jadual 4, kualiti hidup golongan miskin secara keseluruhannya adalah memuaskan. Berdasarkan jawapan yang telah diberikan, 71.7 peratus golongan miskin berpuas hati manakala selebihnya tidak berpuas hati dengan kualiti hidup mereka. Hanya kualiti perumahan sahaja yang memberikan tahap kepuasan yang agak rendah berbanding dengan kualiti hidup yang lain. Hal ini jelas menunjukkan golongan miskin masih lagi tidak dapat menikmati kualiti perumahan yang memuaskan. Ini memandangkan kos perumahan agak mahal di bandar, terutamanya di Kuala Lumpur yang padat dengan penduduk. Banyak antara mereka tinggal di rumah pangsa atau rumah murah dan ini mewujudkan kemungkinan ketidakselesaian

untuk kualiti perumahan, terutamanya bagi mereka yang tinggal di bandar besar berbanding dengan tinggal di kampung. Tambahan yang saiz keluarga mereka yang agak besar menambahkan lagi sikap ketidakpuasan tersebut. Kualiti hidup makanan dan pakaian pula menunjukkan kualiti yang baik kerana lebih 90 peratus responden berpuas hati dengan tahap kualiti tersebut. Kedua-dua aspek kualiti ini amat penting kerana ia merupakan asas untuk meneruskan kehidupan. Apa yang menariknya, 94.3 peratus responden menyatakan berpuas hati terhadap aspek kualiti penyertaan sosial dan ini menunjukkan secara umumnya mereka tidak terpinggir daripada masyarakat, malah mungkin lebih aktif dalam kegiatan masyarakat.

Jadual 4: Taburan Kualiti Hidup

Kualiti Hidup	Puas Hati (%)	Tidak Puas Hati (%)
Makanan	90.6	9.4
Pakaian	94.3	5.7
Pengangkutan & Perhubungan	77.4	22.6
Kesihatan	71.7	28.3
Pendidikan	76.0	24.0
Perumahan	58.5	41.5
Penyertaan Sosial	94.3	5.7
Keseluruhan	71.7	28.3

Jadual 5 menunjukkan indeks keagamaan (*RI*) yang menjadi fokus perbincangan kajian ini. Ia merupakan satu indeks yang diukur berdasarkan persamaan (1), (2), (3) dan (4). Menurut Naziruddin dan M. Shabri (2003; hlm.47), nilai indeks tertinggi yang boleh dicapai ialah 100. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti responden mencapai nilai *RI* keseluruhan antara nilai 91 hingga 100 iaitu merangkumi 69.8 peratus manakala *RI* keseluruhan paling rendah ialah antara

nilai 31 hingga 40 meliputi responden sebanyak 3.8 peratus sahaja. Boleh dikatakan hampir 11.3 peratus sahaja responden berada pada *RI* kurang daripada 50 peratus dan hampir 88.7 peratus responden mempunyai *RI* melebihi 50 peratus. Hal ini secara umumnya menunjukkan responden mempunyai pegangan agama yang amat baik, terutamanya jika dilihat pada *RI* aspek wajib dan haram, iaitu kesemua responden mempunyai nilai *RI* melebihi nilai 50.

Jadual 5: Tahap Keagamaan

Indeks	Wajib		Haram		Sunat		Keseluruhan	
	N	(%)	N	(%)	N	(%)	N	(%)
21-30	6	11.3	0	0.0	5	9.4	0	0.0
31-40	0	0.0	0	0.0	19	35.8	2	3.8
41-50	0	0.0	0	0.0	18	34.0	4	7.5
51-60	2	3.8	0	0.0	6	11.3	0	0.0
61-70	7	13.2	0	0.0	4	7.5	5	9.4
71-80	0	0.0	0	0.0	1	1.9	4	7.5
81-90	1	1.9	1	1.9	0	0.0	1	1.9
91-100	37	69.8	52	98.1	0	0.0	37	69.8
Jumlah	53	100.0	53	100.0	53	100.0	53	100.0

Jadual 6 menunjukkan keputusan regresi logistik binari model berdasarkan spesifikasi persamaan (7) yang menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah *RI* dengan tujuh (7) kualiti hidup penerima zakat yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan *RI* signifikan dipengaruhi oleh kualiti hidup aspek pendidikan golongan miskin. Pemboleh ubah tersebut berhubungan secara positif dan signifikan pada aras keertian 10 peratus manakala pemboleh ubah yang lain adalah tidak signifikan. Kesan kualiti pendidikan terhadap *RI* menunjukkan *odd* kebarangkalian per unit kenaikan dalam kualiti pendidikan akan meningkatkan *RI* ialah sebanyak 10.6 peratus iaitu (1.106 1).

Hal ini memberi satu implikasi yang menarik kerana tahap *RI* asnaf secara tidak langsung dapat ditingkatkan melalui peningkatan kualiti pendidikan keluarga mereka, terutamanya tahap pendidikan anak-anak mereka pada masa hadapan. Dapatan ini selari dengan tanggapan umum bahawa peningkatan tahap pendidikan akan dapat meningkatkan nilai keagamaan individu. Hal ini penting kerana melalui peningkatan pendidikan akan meningkatkan modal manusia dan akhirnya akan mendapat pulangan yang baik dalam pendapatan yang akhirnya dalam jangka masa panjang dapat mengeluarkan keluarga mereka dari kitaran kemiskinan.

Jadual 6: Kesan Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup¹

Aspek Kualiti Hidup	β	Sisihan piawai	Statistik Wald	Sig.	Exp (β)
Makanan	0.141	0.109	1.666	0.197	1.152
Pakaian	0.060	0.119	0.252	0.615	1.062
Pengangkutan & Perhubungan	0.024	0.025	0.894	0.344	1.024
Kesihatan	0.037	0.026	2.052	0.152	1.038
Pendidikan	0.101	0.058	3.062	0.080	1.106*
Perumahan	-0.004	0.021	0.031	0.861	0.996

Nota: ¹ pemboleh ubah keagamaan adalah pembolehubah bebas manakala pembolehubah kualiti hidup adalah pemboleh ubah bersandar menggunakan regresi logistik

* Signifikan pada aras keertian 10 %

Jadual 7 pula menunjukkan hasil regresi kesan beberapa pemboleh ubah bebas terhadap tahap kualiti hidup dan tingkat pendapatan responden. Model I merupakan hasil regresi logistik binary, iaitu pemboleh ubah bersandar ialah tahap kepuasan terhadap kualiti hidup manakala model II adalah hasil regresi logistik multinomial, iaitu pemboleh ubah bersandar ialah tingkat pendapatan. Secara umumnya hasil kajian

menunjukkan keputusan yang berbeza bagi model yang berbeza. Kajian mendapati hanya pemboleh ubah tempoh menerima zakat sahaja mempengaruhi tahap kepuasan kualiti hidup secara signifikan pada aras keertian 10 peratus dan berhubungan secara positif. Manakala hanya pemboleh ubah perbelanjaan dalam model IIb signifikan mempengaruhi tingkat pendapatan pada aras keertian 10 peratus. Namun begitu,

bagi model Iia terdapat empat pemboleh ubah signifikan mempengaruhi tahap pendapatan responden, iaitu pemboleh ubah jantina lelaki, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan indeks keagamaan (*RI*). Tahap pendidikan terbahagi kepada

tiga kategori iaitu tidak bersekolah, bersekolah rendah dan bersekolah menengah manakala status pekerjaan melibatkan kategori tidak bekerja dan bekerja.

Jadual 7: Hasil Regresi

Pembolehubah	Model 1¹ Nilai β	Model Iia² Nilai β	Model Iib³ Nilai β
Jantina (1)	.040 (.827)	2.946** (1.386)	-.077 (.938)
Umur	-.033 (.486)	.890 (.890)	.758 (.595)
Pendidikan	.548 (.683)	-1.827* (1.078)	.280 (.757)
Pekerjaan	-.098 (.570)	-3.451** (1.494)	-.448 (.679)
Perbelanjaan	-.100 (.438)	-.680 (.962)	-1.041* (.580)
Tanggungan	-.246 (.671)	.537 (1.017)	.284 (.825)
Zakat	.000 (.003)	-.001 (.006)	.000 (.003)
Tempoh terima zakat	1.332** (.650)	.108 (.906)	.417 (.594)
Indeks Keagamaan	.010 (.020)	.071* (.038)	.013 (.026)
Konstan	-2.640 (3.066)	4.062 (6.291)	-2.347 (4.210)
Nagelkerke R ²	.194	.671	
Hosmer-Lemeshow (χ^2)	6.653		
Pearson (χ^2)		66.258	

Nota : ¹ klasifikasi model keseluruhan 78% ² PGK fakir ³ PGK miskin

(1) dami lelaki

() ralat piawai

* signifikan pada aras keertian 10%

** signifikan pada aras keertian 5%

Apa yang penting untuk dibincangkan ialah adakah pemboleh ubah *RI* mempengaruhi tahap kepuasan kualiti hidup dan tingkat pendapatan responden. Kajian ini hanya mendapati pemboleh ubah *RI* signifikan mempengaruhi tingkat

pendapatan dalam kalangan asnaf fakir sahaja tetapi tidak mempengaruhi secara signifikan tingkat pendapatan dalam kalangan asnaf miskin dan juga tahap kepuasan kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. Pemboleh ubah *RI* berhubungan

secara positif dan signifikan terhadap pemboleh ubah tingkat pendapatan dalam kalangan asnaf fakir pada aras keertian 10 peratus. Ia juga menunjukkan 1 peratus kenaikan dalam *RI* akan menyebabkan log nisbah *odds* tingkat pendapatan meningkat sebanyak 0.071 sahaja. Kajian ini jelas menunjukkan pemboleh ubah *RI* gagal mempengaruhi secara signifikan tahap kepuasan kualiti hidup tetapi hanya mempengaruhi secara signifikan tingkat pendapatan di bawah PGK fakir sahaja.

Cadangan dan Implikasi Dasar

Kajian ini mendapati nilai-nilai keagamaan adalah tinggi dalam kalangan asnaf fakir dan miskin. Mereka bukan sahaja mempunyai tahap keagamaan yang tinggi dalam melaksanakan perkara wajib dan meninggalkan perkara yang diharamkan, malah mereka juga mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan perbuatan yang sunat seperti membaca al-Quran, menunaikan solat secara berjemaah sama ada di surau atau di masjid, berpuasa sunat dan sebagainya. Hal ini menunjukkan program keagamaan yang dilakukan oleh pusat zakat telah berjaya meningkatkan nilai keagamaan atau sekurang-kurangnya mempertahankan nilai keagamaan yang sedia ada. Program keagamaan biasanya dilakukan melalui kuliah-kuliah agama yang diadakan di masjid secara khusus untuk mereka. Program yang telah diadakan walaupun antara tujuan utamanya adalah untuk memastikan asnaf mengambil wang bantuan zakat dari pusat zakat di masjid-masjid tertentu, ia juga antara lainnya bertujuan untuk memberi peringatan dan nasihat agama kepada mereka agar sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dengan kekurangan yang ada

dan berusaha meningkatkan tahap ekonomi masing-masing.

Tahap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin adalah semakin baik dari tahun ke tahun. Kajian mendapati semakin panjang tempoh penerimaan zakat maka kebarangkalian untuk tahap kualiti hidup juga akan meningkat. Secara keseluruhannya tahap kualiti hidup asnaf semakin baik berbanding dengan sebelumnya. Keadaan ini menunjukkan bahawa asnaf menjadi terlalu bergantung pada bantuan zakat. Berdasarkan kajian Hairunnizam *et.al.*, (2004) yang mendapati asnaf miskin secara keseluruhannya tidak berpuas hati dengan kualiti hidup mereka nampaknya akan dapat diperbaiki. Kualiti hidup aspek pendidikan didapati dipengaruhi oleh nilai keagamaan secara signifikan dan menunjukkan nilai keagamaan meningkat seiring dengan pembelajaran walaupun secara tidak formal seperti mendengar ceramah agama di masjid, melalui radio dan televisyen dan sebagainya. Malah apa yang penting ialah kefahaman nilai agama itu perlu juga diterapkan terhadap generasi keturunannya iaitu anak-anak agar mereka terus berjaya dalam hidup agar mereka dan keluarga akhirnya keluar bukan sahaja daripada miskin bersifat harta malah menghindarkan daripada gejala miskin agama dan akhlak.

Nilai keagamaan mempengaruhi secara signifikan terhadap tingkat pendapatan asnaf fakir juga menunjukkan asnaf fakir perlu diberi perhatian. Asnaf fakir sebenarnya lebih menghampiri kekufuran disebabkan kefakiran mereka dan ini memerlukan perhatian yang lebih oleh pusat zakat. Nilai keagamaan yang

tinggi akan meningkatkan tingkat pendapatan mereka menunjukkan bahawa nilai keagamaan amat penting dan merupakan asas bagi perubahan positif sikap asnaf dalam meningkatkan ekonomi mereka. Walaupun nilai keagamaan tidak signifikan mempengaruhi kualiti hidup dan tingkat pendapatan kumpulan miskin, sebenarnya ia menunjukkan pemboleh ubah ini tidak mempengaruhi secara langsung kualiti hidup dan pendapatan. Peningkatan nilai keagamaan berkemungkinan akan mempengaruhi sikap asnaf yang ingin berubah daripada status penerima semata-mata kepada status pembayar dalam jangka masa panjang. Setelah asnaf mempunyai peribadi yang positif, kemungkinan ia akan meningkatkan tingkat pendapatan mereka dan akhirnya meningkatkan tahap kualiti hidup mereka. Penerapan nilai keagamaan oleh pusat zakat sebenarnya akan memberi kesan yang positif dan program-program keagamaan yang khusus untuk asnaf fakir dan miskin perlu diadakan dan dipertingkatkan di samping kursus motivasi seperti kursus keusahawanan dan sebagainya untuk sekurang-kurangnya mengubah sikap mereka menjadi lebih positif.

Perubahan sikap asnaf secara khususnya di peringkat mukim mungkin boleh dilaksanakan melalui penglibatan amil secara aktif di peringkat mukim. Amil mukim dicadangkan berperanan bukan sahaja untuk mengutip zakat dan mengenal pasti potensi asnaf di kariah dan kampung masing-masing, malah lebih penting lagi mendekati asnaf dengan lebih dekat melalui program yang telah dicadangkan tetapi kali ini di peringkat mukim atau kampung. Hal ini bukan sahaja dapat

memastikan asnaf dapat dipantau dengan lebih dekat dalam aspek berkaitan ekonomi zakat, malah lebih penting aspek sosial yang merupakan asas falsafah zakat itu sendiri. Nilai-nilai keagamaan yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan, budaya dan sebagainya antara asnaf mungkin berbeza antara kawasan, kampung atau negeri yang memerlukan pengalaman amil mukim tersebut menangani dan mengatasi isu tersebut. Hal ini akhirnya akan meningkatkan lagi kualiti pengagihan zakat yang bukan sahaja mengagihkan bantuan zakat malah mengadakan program-program keagamaan melalui dana zakat yang dikutip. Akhirnya diharapkan nilai keagamaan asnaf fakir dan miskin terus meningkat setara, malah berkemungkinan lebih tinggi lagi berbanding dengan masyarakat setempat.

Kesimpulan

Nilai keagamaan ialah isu utama yang perlu diberikan perhatian oleh institusi zakat. Walau banyak pendapat mengatakan zakat dapat membasmi kemiskinan, sebenarnya ia bukanlah semata-mata objektif penting dalam falsafah zakat. Falsafah zakat yang utamanya sebenarnya adalah untuk menyucikan jiwa dan harta bukan sahaja pembayar zakat malah juga asnaf dan ini jelas menunjukkan zakat bukan hanya tertumpu terhadap aspek ekonomi semata-mata. Penyucian jiwa melalui berzakat menunjukkan kesan zakat amat penting dalam aspek kerohanian yang berkaitan dengan nilai agama. Peningkatan nilai keagamaan adalah penting kerana ia ialah asas tujuan manusia dijadikan oleh pencipta. Kejayaan dalam mendidik jiwa terutamanya aspek keagamaan terhadap asnaf bukan sahaja akan meningkatkan

tahap kefahaman asnaf yang dikatakan sesetengah pihak sebagai miskin dalam aspek keagamaan, malah ia juga akhirnya akan meningkatkan kesedaran dan mengubah sikap asnaf secara perlahan-lahan menjadi lebih ke arah sikap yang positif. Hal ini akhirnya akan meningkatkan motivasi asnaf agar berusaha bersungguh-sungguh yang akhirnya dalam jangka masa panjang akan memungkinkan meningkatkan tahap ekonomi dan kualiti hidup bukan sahaja untuk asnaf semata-mata, malah lebih penting generasi anak dan keturunan asnaf. Perlu difahami bahawa walaupun kejayaan zakat diharapkan dapat membasmi kemiskinan, namun sekiranya nasib ekonomi mereka tidak dapat berubah, kekuatan jiwa dan rohani mereka diharapkan dapat terus ditingkatkan. Inilah semangat pengagihan zakat yang diharapkan dapat dilaksanakan di Malaysia pada masa akan datang.

Rujukan

Abdul Monir Yaacob. (2001). Garis Panduan Agama dalam Pengagihan Dana Zakat. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt.). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Anuar Muhamad. (2008). Perception Of Academicians Toward Zakat Administration Particularly Zakat Distribution: The Case of Selangor and Kelantan. IIUM. Unpublished

Argyle, M. (1999). Causes and Correlates of Happiness. In Kahneman Daniel, Diener, Ed. and Schwartz, Norbert (Eds.), *Well-Being: The Foundations of Hedonic*

Psychology. 353-73. New York. Russell Sage.

Burnell, J. D & Galster, G. (1992). Quality of Life and Urban Size: An Empirical Note. *Urban Studies* (29): 727-735.

Cheok, C.K & Federich, L.J (1977). Theory and Measurement of Poverty: Tentatif Views on and Amorphous Topic. *Dalam Poverty in Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Ekonomi Malaysia.

Ellison C.G, Gay D.A & Glass T. A. (1989). Does Religious Commitment Contribute to Individual Life Satisfaction? *Social Forces*. 68(1): 100-123.

Ellison C. (1991). Religious Involvement and Subjective Well-Being. *Journal of Health and Social Behaviour* 32: 80-99.

Freeman, R. (1986). "Who Escapes? The Relation of Churchgoing & Other Background Factors to the Socioeconomic Performance of Black Male Youths from Inner City Tracts". In *The Black Youth Employment Crisis*. Eds. Richard Freeman and Harry Holzer. Chicago: University of Chicago Press.

Frey, B & Stutzer, A. (2002). What Economists Can Learn from Happiness Research? *Journal of Economic Literature* 40: 402-35.

Greene V.K & Yoon B.J. (2004). Religiosity, Economics and Life Satisfaction. *Review of Social Economy*. 62(2): 245-261.

Hadaway C.K. (1978). Life Satisfaction and Religion: A Reanalysis. *Social Forces*,

57 (2), Special Issue (Dec., 1978): 636-643.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1 (1): 151-166.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati? *Jurnal Syariah* 17 (1) 2009: 89-112.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4(1) 2010: 141-170

Hull, Brooks. (2000). Religion Still Matters. *The Journal of Economics* 24: 35-48.

Iannaccone, L. (1998). Introduction to the Economics of Religion. *Journal of Economic Literature* 36: 1465-95.

Mahyuddin Haji Abu Bakar & Abdullah Haji Abd. Ghani (2011). Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (the Poor and Needy). *International Journal of Business and Social Science* Vol. 2 No. 4; March 2011.

Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti

Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat* 26(2): 59-68 .

Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). Zakat Management and Administration in Malaysia. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mohd Parid Syeikh Ahmad. (2001). Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt.). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Muhammad Syukri Salleh. (2000). Pembangunan Zaman Rasulullah S.A.W: Antara Kemiskinan dan Kekayaan. Pulau Pinang: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan IDMP.

Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoretis. Dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt.). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Md Zhahir Kechot. (1996). Kemudahan Asas dan Kemiskinan Luar Bandar: Kajian Kes di Bachok. Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (penyt.). *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Naziruddin Abdullah & M.Shabri A.M. (2003). The Influence of Religiosity, Income and Consumption on Saving Behavior: The Case of IIUM. *Iqtisad Journal of Islamic Economics* 4(1): 37-55.

Patmawati Hj Ibrahim. (2007). Peranan agihan zakat dalam meningkatkan tahap ekonomi ummah. Kertas Kerja Dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007. PWTC, Kuala Lumpur.

Laporan Zakat. (2009). Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

Rosmalini Zulkefli. (1998). *Kajian Impak Sosioekonomi Amanah Ikhtiar Malaysia; Satu Kajian Kes di Parit, Perak*. Tidak diterbitkan.

Sanep Ahmad, Hairunizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*.- IJMS 13 (2), 2006: 175-196.

Schieman S, Nguyen K & Elliott. (2003). Religiosity, Socioeconomics Status and the Sense of Mastery. *Social Psychology Quarterly* 66 (3): 202-221.

Siti 'Adila Abu Bakar. (1999). *Islam Attributes in Consumer Decision-making: An Empirical Study in Singapore*. Tidak diterbitkan.

Unit Perancang Ekonomi. (2002). *Kualiti Hidup Malaysia 2002*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Unit Perancang Ekonomi. (2006). *Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Wan Zuriani Wan Yusof. (1997). Kemiskinan dan Pembangunan: Satu Kajian Kes Terhadap Setinggalan di Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.

Zainal Abidin Jaffar. (2003). *Pengalaman JAKIM dan Kementerian Luar Bandar dalam Menangani Masalah Kemiskinan*. Dalam Bengkel Kebangsaan Kemiskinan dan Jaminan Sosial Asnaf Fakir dan Miskin. UiTM Melaka.